

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

YFP 203/4 - Penerbitan Televisyen I

Masa: [3 jam]

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. (a) Tuliskan satu analisis kritikal terhadap video yang baru anda tonton. Berikan sebab kenapa anda menyukai atau pun tidak drama tersebut.
- (b) Jika anda diberi peluang, apakah perubahan yang akan anda lakukan dari segi jalan cerita, komposisi gambar, watak-watak dan sebagainya. Beri alasan terhadap setiap perubahan yang akan anda lakukan itu.

(40 markah)

2. (a) Anda dikehendaki menerbitkan sebuah forum melibatkan tiga orang termasuk seorang pengerusi. Tajuk forum ialah "Kebaikan Televisyen".

Bagaimanakah anda akan menerbitkan forum tersebut? Lukis pelan pentas dengan mengambil kira posisi-posisi yang bersesuaian. Berikan deskripsi set dan latar yang sesuai.

- (b) Terangkan perbezaan temuramah dan forum. Bagaimana olahan (treatment) kedua-duanya boleh berbeza?

(30 markah)

...2/-

3. Adakah siaran-siaran televisyen tempatan memaparkan kebudayaan Malaysia? Berikan alasan kepada pandangan anda itu.

(30 markah)

4. Apakah pendapat anda tentang siaran berita tempatan? Adakah bahagian-bahagian seperti format, persembahan dan kandungan boleh diperbaiki untuk meningkatkan mutu siaran berita televisyen tersebut? Beri contoh.

(30 markah)

5. Anda telah melaksanakan beberapa penerbitan di dalam kursus ini.

- (a) Terangkan secara perinci peranan anda dalam setiap produksi.
- (b) Apakah kualiti yang harus ada pada seorang penerbit yang berjaya?

(30 markah)